

***Kajian kes pelaburan pendidikan modal insan di kalangan suku kaum  
Sama-Bajau di Kota Kinabalu: halatuju dan cabaran***

**Kasim Mansur**

Sekolah Perniagaan Ekonomi  
Universiti Malaysia Sabah

**Gusni Saat**

Fakulti Sosial Sains  
Universiti Malaysia Sarawak

**Said Effendi**

Sekolah Perniagaan Ekonomi  
Universiti Malaysia Sabah

**Abstrak**

Sama-Bajau merupakan suku kaum Bumiputera yang kedua terbesar di Sabah. Sehingga kini, kehidupan suku kaum Sama-Bajau mengalami banyak evolusi di mana arus urbanisasi dan globalisasi secara langsung telah memberi impak dalam kehidupan mereka. Arus urbanisasi dan globalisasi ini telah mewujudkan satu suasana yang semakin mencabar. Maka, generasi Sama-Bajau perlu melengkapkan diri mereka dengan tahap pendidikan yang tinggi. Responden kajian ini tertumpu pada etnik Sama-Bajau dan membincangkan beberapa permasalahan yang dihadapi oleh suku kaum ini. Kawasan kajian iaitu Menggatal yang terletak di bandaraya Kota Kinabalu merupakan salah satu kawasan di Sabah yang didiami majoriti masyarakat Sama-Bajau. Kajian ini bertujuan meninjau tahap pelaburan modal insan suku kaum Sama-Bajau. Analisis kajian adalah berdasarkan data primer dan sekunder. Data primer diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada Ketua Kampung. Penyelidik telah memilih 218 ketua isi rumah daripada lima buah kampung di kawasan Menggatal. Daripada kajian ini penyelidik mendapati tahap pendidikan di kalangan suku kaum Sama-Bajau berada di tahap yang rendah. Kawasan Menggatal merupakan kawasan yang strategik di mana kawasan ini di kelilingi oleh pelbagai institusi pendidikan awam dan swasta serta pasaraya moden di samping taman-taman perumahan yang baru. Justeru itu, suasana ini menimbulkan suatu yang menarik perhatian iaitu apakah faktor yang menyumbang kepada tahap pendidikan yang rendah di kalangan etnik Sama-Bajau. Dapatan kajian menunjukkan salah satu punca utama ialah isu kemiskinan. Kemiskinan dilihat telah menjadi penghalang kepada ibubapa menyediakan pendidikan yang sempurna kepada anak mereka. Malah, kajian ini juga mendapati keluarga suku kaum ini mempunyai tahap kesedaran yang rendah tentang pendidikan. Kesannya, berlaku peratus kegagalan yang tinggi di kalangan etnik suku kaum Sama-Bajau dalam peperiksaan SPM dan STPM. Kajian ini turut menganalisis halatuju dan cabaran serta cadangan dan polisi mengenai kepentingan pelaburan dalam modal insan khususnya terhadap suku kaum ini dan kaum Bumiputera di Sabah umumnya.

Kata Kunci : Sama-Bajau, urbanisasi, globalisasi, Pelaburan Modal Insan, Menggatal

<sup>1</sup> Prof. Madya Dr. Kasim Hj. Md. Mansur, pensyarah di Sekolah Perniagaan Ekonomi UMS dalam bidang ekonomi, beliau kini memegang jawatan sebagai TNC(HEPA), UMS.

<sup>2</sup> Prof. Madya Dr. Gusni Saat, pensyarah di fakulti Sains Sosial UNIMAS.

<sup>3</sup> Said Effendi Ag. Saidin, pelajar pascasiswazah di Sekolah Perniagaan Ekonomi UMS.

***A case study on investment in human capital among Sama-Bajau ethnic in  
Kota Kinabalu: the way forward and challenges***

**Kasim Mansur**

School of Business and Economic  
Universiti Malaysia Sabah

**Gusni Saat**

Social Science Faculty  
Universiti Malaysia Sarawak

**Said Effendi**

School of Business and Economic  
Universiti Malaysia Sabah


***Abstract***

*Sama-Bajau is one of the ethnic ‘Son of the Soil’ and the second largest ethnic in Sabah. To date, the livelihood of Sama-Bajau ethnic has gone through a major evolution where the process of urbanization and globalization have given a direct impact to their wellbeing. Undoubtedly urbanization and globalization have created more challenging environment. In today’s challenging environment, the new generation in general must equip themselves with high levels of education. The respondent of this study focuses on Sama-Bajau ethnic and discusses some of the hurdles that confronted them. Menggatal located in the Municipality of Kota Kinabalu city is one of the areas in Sabah where majority of the Sama-Bajaus are located. The main objective of this research is to examine the level of investment in human capital by Sama-Bajau ethnic. Data analysis is based on primary and secondary. The primary data gathered through questionnaires distributed to the respondent based on the information given by the heads of the villages. A total of 218 heads of the household in Menggatal area were identified as respondent in this research. This study shows that the levels of education among Sama-Bajaus are relatively low. Considering Menggatal area is strategically located where most of the institutions of higher learning both public and private are located, this area is also surrounded by most major business centers as well as housing projects. Thus, it has become a concern of the factors contributing to the low levels of education among the Sama-Bajau ethnic. This study shows that one of the factors contributing to this problem is the issue of poverty. Poverty is seen as one of the major hurdle hindering most of the people of this ethnicity from providing good education for their children. The awareness on the importance of education among Sama-Bajau’s parents is found to be low. Further, this study shows that parents of these ethnics placing less emphasis on education, as a result high percentage of drop outs among Sama-Bajau ethnic at both SPM and STPM levels. This paper also analyzes the way forward and challenges and concluded with suggestions and policy recommendations towards the importance of investment in human capital for Sama-Bajau in particular and the Bumiputeras of Sabah in general.*

*Key words: Sama-Bajau, Urbanization, globalization, investment in human capital, Menggatal*

## **Pengenalan**

Sejak Negeri Sabah (North Borneo) berada dalam pemerintahan *East Indian Borneo Company*, penempatan suku kaum Sama-Bajau telah wujud di kawasan persisir pantai khususnya di Bandar Jesselton. Bandar tersebut kini dikenali sebagai Kota Kinabalu yang merupakan ibu negeri bagi Negeri Sabah. Bandaraya ini merupakan bandar yang terbesar di negeri ini dan kawasan bandaraya ini terdiri daripada beberapa pekan atau daerah kecil seperti Telipok, Menggatal, Inanam, Likas, Tanjung Aru, Luyang, Karambunai, dan juga Teluk Sepanggar yang semakin pesat membangun. Di Kota Kinabalu, Sama-Bajau juga merupakan antara etnik yang paling ramai mendiami kawasan sekitar perbandaran tersebut. Salah satu kawasan yang paling ramai penduduk Sama-Bajau ialah Pekan Menggatal yang merupakan kawasan kajian bagi penulisan ini. Pekan ini terletak 20 km dari bandaraya Kota Kinabalu dan merupakan antara kawasan yang paling hampir dengan bandaraya tersebut. Di Menggatal, walaupun berlakunya penghijrahan Sama-Bajau ke taman-taman perumahan di bandar, namun kebanyakan suku kaum Sama-Bajau masih lagi mendiami kawasan-kawasan perkampungan. Antara perkampungan tersebut ialah Kampung Rampayan, Delima Melayu, Tebobon, Unggun Jaya, Lokub, Kebagu, Numbak, Gudon Gentisan, Bendulon dan Darau. Selain daripada Pekan Menggatal, majoriti suku kaum Sama-Bajau juga terdapat di beberapa perkampungan di sekitar bandar Kota Kinabalu seperti di Kampung Likas, Inanam, Sembulan, dan Tanjung Aru.



Sumber: Muzium Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

## **Latarbelakang Sama-Bajau dalam konteks urbanisasi dan globalisasi**

Secara keseluruhannya, sungguhpun kebanyakan suku kaum Sama-Bajau tinggal di kawasan perkampungan, namun lokasi kediaman tersebut adalah sangat hampir dengan pusat bandaraya dan pekan-pekan utama di Kota Kinabalu. Lokasi penempatan yang berhampiran

bandar menyebabkan kehidupan Sama-Bajau tidak asing lagi dari arus urbanisasi. Urbanisasi ini membawa kepada pelbagai jenis pembangunan seperti wujudnya beberapa pusat pentadbiran kerajaan yang teratur dan canggih, kemudahan infrastruktur dan pengangkutan. Kawasan-kawasan perindustrian serta bank-bank yang bertaraf antarabangsa juga terletak di kawasan-kawasan ini. Selain itu, pembangunan yang ketara juga dapat dilihat dari aspek materialistik seperti kewujudan banyak pusat membeli-belah yang bersekala besar dan moden di persekitaran perkampungan Sama-Bajau. Contoh pusat membeli-belah tersebut ialah seperti 1 Borneo, Centre Point, Wawasan Plaza, Wisma Merdeka, Kompleks Karamuning dan K.K Plaza. Pusat-pusat membeli-belah ini tidak termasuk lagi beberapa buah yang sedang dalam proses pembinaan seperti Kota Kinabalu Times Square, Suria Sabah dan Sutera Harbor Hypermall. Kesemua pusat membeli-belah yang baru tersebut dijangka siap dalam tempoh terdekat ini. Keadaan ini jelas menunjukkan betapa pesatnya proses urbanisasi yang melanda kehidupan Sama-Bajau.

Apabila berlakunya proses urbanisasi, pengaruh globalisasi yang semakin meluas dalam kehidupan Sama-Bajau juga tidak dapat dielakkan. Fenomena globalisasi merupakan satu proses transformasi penempatan mengikut suasana dan perubahan global. Suasana ini melibatkan integrasi ekonomi, politik, dan sosial masyarakat dunia yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Disebabkan pengaruh global ini, landskap sosio-ekonomi Sama-Bajau telah berubah. Suku Sama-Bajau yang secara tradisinya menghuni kawasan persisir pantai Sabah kini beralih penempatan ke kawasan yang lebih jauh daripada persisir pantai. Ini disebabkan, dalam konteks globalisasi masa kini, kawasan-kawasan persisir pantai yang merupakan tumpuan kediaman asal suku kaum Sama-Bajau mempunyai nilai komersil yang tinggi di mana kawasan ini telah menjadi tarikan para pelabur dari dalam dan luar negara. Kawasan persisir pantai tersebut telah diambil alih oleh para pelabur dan pihak kerajaan untuk dimajukan sebagai kawasan pelabuhan, perniagaan dan juga kawasan pelancongan. Keadaan ini sekaligus merubah kegiatan ekonomi suku kaum Sama-Bajau. Jika sebelum ini, Sama-Bajau lebih tertumpu kepada kegiatan penangkapan ikan sebagai nelayan kini mereka tidak lagi memiliki kelebihan laluan yang strategik untuk ke laut dan terpaksa melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi lain. Ini kerana, pengambilalihan kawasan persisir pantai tadi, menyebabkan Sama-Bajau berhijrah keluar daripada kawasan persisir pantai dan tinggal lebih jauh dari kawasan laut yang menjadi nadi pencarian dan sumber rezeki mereka sebelum ini.

Suasana ini telah menyaksikan berlakunya satu tranfomasi sosial yang mendadak dalam kehidupan suku kaum Sama-Bajau dalam tempoh yang paling singkat. Mereka yang dahulunya terlibat dengan kegiatan nelayan kini beralih kepada sektor pekerjaan bandar. Mereka kini sebahagian besarnya terlibat dengan pekerjaan “makan gaji” di syarikat-syarikat milik bukan Bumiputera dan juga jabatan-jabatan kerajaan dan swasta. Selain itu, ada juga antara mereka yang terlibat dengan pekerjaan seperti memandu teksi, bas pengangkutan awam dan pemandu lori perniagaan. Manakala, terdapat juga yang melibatkan diri dengan aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan. Tetapi aktiviti perniagaan tersebut adalah berbentuk tidak formal dan tidak berdaya tahan seperti berniaga di pasar tamu dan kedai runcit. (Kasim & Gusni, 2004)

Jelasnya, proses urbanisasi dan globalisasi ini telah mewujudkan satu suasana baru yang cukup mencabar kepada Sama-Bajau dalam menempuhi arus kehidupan mereka. Untuk membolehkan Sama-Bajau terus hidup dalam suasana yang mencabar ini, salah satu alat yang berkesan ialah melalui pelaburan dalam modal insan. Generasi Sama-Bajau hari ini perlu melengkapkan diri mereka dengan tahap pendidikan yang tinggi.

### **Pelaburan dalam modal insan**

Pelaburan dalam modal manusia mempunyai dua bentuk iaitu pelaburan yang berlaku di tempat kerja dan yang berlaku di luar tempat kerja (Rahmah, 1996). Pelaburan modal manusia yang berkaitan dengan tempat kerja terdiri daripada latihan secara formal dan tidak formal. Manakala, pelaburan modal manusia yang berkaitan kegiatan di luar tempat kerja boleh dikategorikan seperti persekolahan, kesihatan dan mencari pekerjaan. Selain itu, pelaburan modal manusia dapat dilihat sebagai keputusan pelaburan di mana individu mengagihkan beberapa bahagian pendapatan mereka bagi tujuan pendidikan dan latihan demi meningkatkan perolehan masa hadapan (Blundell, R., Powell, J., 2000).

Bundell, Dearden, Meghir dan Sianesi (1999) dalam kajian mereka "*Human capital investment: the returns from education and training to the individual, firm and the economy*" menyatakan bahawa terdapat tiga komponen utama dalam modal manusia. Pertama, keupayaan sejak awal sama ada yang diperolehi atau sejak kelahiran. Kedua, kecekapan dan pengetahuan yang diperolehi melalui pendidikan formal. Ketiga, kemahiran, kemampuan dan keahlian yang diperolehi semasa latihan kerja. Menurut mereka, konsep Modal Manusia adalah berdasarkan daripada pengakuan di mana pembuat keputusan individu atau firma supaya melabur dalam modal manusia iaitu memperolehi lebih pendidikan atau latihan adalah serupa dengan keputusan membuat pelaburan lain yang diambil oleh individu atau firma. Pelaburan modal manusia melibatkan kos permulaan (yuran tuaysen dan yuran kursus latihan, perolehan dilepaskan semasa bersekolah, pengurangan upah dan produktiviti semasa latihan) dimana individu atau firma berhasrat untuk memperolehi pulangan tambahan pada masa depan (contohnya melalui peningkatan pendapatan atau daya produktiviti firma yang lebih tinggi). Dengan adanya pelaburan dalam modal fizikal, pelaburan dalam modal manusia ini hanya akan dibuat oleh individu yang berkemampuan atau firma yang berkeuntungan tinggi jika jangkaan pulangan daripada pelaburan atau kadar pulangan dalaman adalah melebihi kadar bunga.

Selain itu, Teori Modal Manusia turut membincangkan mengenai perbezaan pendapatan mereka yang memasuki universiti atau pusat pengajian tinggi dengan mereka yang terus masuk ke alam pekerjaan tanpa membuat pelaburan dalam pendidikan. (Kasim & Gusni, 2004). Menurut Micer (1994), beliau menyatakan bahawa pengagihan pendapatan seseorang ditentukan oleh keupayaan atau keberkesanan pelaburan dalam modal manusia. Terdapat hubungan yang positif antara modal manusia dengan upah. Secara lazimnya, lebih tinggi kelas modal manusia seseorang individu, maka lebih tinggi perolehan upah yang bakal diterimanya. Sebagai contoh, hubungan antara taraf pendidikan dengan tingkat upah. Secara relatifnya, seorang pensyarah akan memperoleh upah yang lebih tinggi berbanding guru yang mengajar di sekolah. Pendapat ini juga disokong oleh Becker (1964) di mana Becker memberikan pandangan bahawa pendidikan mahupun latihan dapat meningkatkan produktiviti pekerja, penyampaian pengetahuan dan kemahiran

### **Pusat pendidikan modal insan**

Menyentuh berkaitan pelaburan pendidikan modal insan, suku kaum Sama-Bajau seharusnya memanfaatkan peluang yang luas dalam pelaburan modal insan yang ada dihadapan mereka. Ini disebabkan persekitaran tempat tinggal Sama-Bajau di Menggatal adalah di kelilingi oleh pelbagai pusat ilmiah atau institusi pendidikan tinggi awam dan swasta yang serba lengkap, berskala besar dan moden. Antara institusi pendidikan awam diperingkat menengah ialah seperti S.M.K Bandaraya, S.M.K Tebobon, SM All Saints, Sekolah Menengah San Tao, Sekolah Menengah Teknik Likas, Sekolah Menengah Perempuan Likas, Sekolah Menengah

Agama Inanam, Sekolah Menengah Kebangsaan Inanam. Manakala insitiusi pengajian peringkat tinggi ialah seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Politeknik Kota Kinabalu, Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Perguruan Gaya, Maktab Sabah, Institut Perguruan Kent. Selain itu, terdapat juga beberapa institusi pengajian tinggi swasta seperti Open Universiti Malaysia (OUM), Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPTL), Stanford College dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR).

## **Methodologi kajian**

### ***Persampelan kajian***

Kaedah persampelan dalam kajian ini ialah Kaedah Persampelan Bertujuan. Persampelan ini memfokus kepada golongan sasaran tertentu. Dalam kajian ini, golongan sasaran yang dijadikan sampel kajian ialah ketua isirumah yang pernah mengikuti pendidikan secara formal di lima kawasan kajian iaitu Kg. Rampayan, Kg. Darau, Kg. Unggun Jaya, Kg. Delima Melayu dan Kg. Tebobon yang terletak di pekan Menggatal. Jumlah populasi di setiap kawasan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.0 di bawah.

**Jadual 1.0: Anggaran jumlah populasi penduduk di kawasan kajian**

<b>Nama Kampung</b>	<b>Rampayan</b>	<b>Darau</b>	<b>Unggun Jaya</b>	<b>Delima Melayu</b>	<b>Tebobon</b>
Jumlah Penduduk	2,500	1,800	650	700	1,020

Jumlah populasi penduduk di kawasan kajian seperti yang di tunjukkan dalam jadual 1.0 di atas adalah merupakan jumlah anggaran. Jumlah tersebut dikemukakan oleh setiap Ketua Kampung dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) di kawasan masing-masing. Jumlah anggaran ini digunapakai kerana adalah sukar untuk mendapat angka yang tepat tentang bilangan sebenar penduduk kerana tidak pernah ada banci menyeluruh pernah dibuat di kampung-kampung di kawasan Menggatal. Oleh itu, temubual dilakukan terhadap Ketua Kampung dan JKKK untuk mendapatkan angka anggaran populasi tersebut.

Hasil daripada temubual dengan Ketua Kampung dan JKKK di kawasan kajian, didapati hanya sekitar 40 hingga 50 ketua isirumah yang mempunyai pendidikan sama ada di peringkat sijil atau ijazah dari peringkat tinggi di setiap kampung yang dikaji. Kajian ini lebih tertumpu kepada ketua isirumah yang pernah mengikuti pendidikan secara formal dan sekaligus melihat tahap pencapaian anak-anak mereka dalam peperiksaan dan pendidikan sama ada di peringkat sijil SPM dan STPM sehinggalah ke peringkat seterusnya. Oleh itu, kajian ini telah mengambil sebanyak 40 hingga 50 orang ketua isirumah di setiap kampung yang dikaji sebagai sampel kajian. Ini sekaligus menilai tahap pendidikan ketua isirumah tersebut serta tahap pencapaian anak-anak mereka dalam bidang pendidikan.

### ***Pengumpulan data***

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data dan maklumat. Kaedah-kaedah ini adalah untuk mendapatkan dua jenis data yang diperlukan dalam kajian ini iaitu data primer dan data sekunder. Pengumpulan data primer adalah menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden dan juga melalui kaedah temuduga (*Interview*) yang diajukan kepada pihak terabit seperti kakitangan agensi kerajaan, swasta ataupun individu di

luar agensi tersebut . Manakala, pengumpulan data sekunder pula adalah melalui kajian perpustakaan dan penggunaan internet. Kaedah pemerhatian terhadap persekitaran kawasan kajian juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan dengan kajian.

**Analisis data**

Data-data yang diperolehi daripada kajian terutamanya data primer dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Analisis kajian adalah berbentuk kekerapan (*frequency*) dan peratusan (*percentage*) untuk menerangkan ciri-ciri responden kajian. Contohnya kekerapan atau peratusan bilangan responden mengikut tahap pencapaian dan kawasan kampung masing-masing.

***Kebimbangan terhadap tahap pendidikan Sama-Bajau***

Sungguhpun persekitaran hidup Sama-Bajau di Kota Kinabalu dikelilingi oleh pelbagai institusi pendidikan awam dan swasta serta pusat-pusat membeli-belah yang bersekala besar dan moden di samping terdapatnya taman-taman perumahan yang baru. Namun, perkara yang membimbangkan ialah kajian di beberapa perkampungan utama Sama-Bajau di kawasan Menggatal mendapati tahap pendidikan mereka masih berada di paras yang rendah. Malah tahap persaingan suku kaum Sama-Bajau dalam bidang pendidikan juga dikatakan tidak begitu tinggi jika dibandingkan dengan kekuatan persaingan suku kaum peribumi lain di Sabah khususnya dan di negara ini amnya.

Jika dilihat daripada segi trend pencapaian prestasi dalam peperiksaan sama ada di peringkat UPSR, PMR, SPM atau STPM, prestasi pelajar-pelajar daripada suku kaum ini didapati kurang menyerlah. Kajian di lima buah kampung di kawasan Menggatal ini mendapati pelaburan suku kaum Sama-Bajau dalam modal insan berada pada tahap yang kritikal. Ini disebabkan berlakunya peratus kegagalan yang tinggi di kalangan etnik suku kaum Sama-Bajau dalam kedua-dua peringkat peperiksaan SPM dan STPM. Kesanya tidak ramai golongan muda atau belia yang berjaya memasuki insitiasi pengajian tinggi. Ini sekaligus menyebabkan bilangan pelajar daripada suku kaum Sama-Bajau yang memegang Ijazah Sarjana Muda, Sarjana atau PhD juga adalah amat rendah berbanding jumlah penduduk secara keseluruhannya. Ini dapat dilihat berdasarkan jadual 2.0 di bawah.

**Jadual 2.0: Jumlah responden/ketua isirumah Sama-Bajau mengikut tahap pendidikan berdasarkan kawasan kajian**

<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Kampung</b>	<b>Rampayan</b>	<b>Darau</b>	<b>Unggun Jaya</b>	<b>Delima Melayu</b>	<b>Tebobon</b>
Sekolah Rendah		22	21	17	22	17
Sekolah Menengah		11	17	27	20	15
Maktab/ Kolej		3	3	2	1	2
Universiti		2	0	0	7	0
Lain-lain		2	1	0	0	6
<b>Jumlah responden</b>		<b>40</b>	<b>42</b>	<b>46</b>	<b>50</b>	<b>40</b>

Jadual 2.0 menunjukkan tahap pendidikan responden kajian mengikut kawasan kajian, didapati hampir kesemua kawasan kajian menunjukkan situasi tahap pendidikan yang hampir sama.

Berdasarkan jadual 3.0, jika dilihat secara keseluruhan daripada 218 orang responden, bilangan responden tertinggi ialah mereka yang memiliki tahap pendidikan sekolah menengah iaitu seramai 90 orang atau 41.33%. Manakala bilangan responden terendah ialah mereka yang memiliki tahap pendidikan di peringkat universiti dan lain-lain institusi yang masing-masing mencatatkan seramai 22 orang responden atau 10.1% daripada jumlah keseluruhan responden. Seterusnya, bilangan responden yang hanya memiliki tahap pendidikan peringkat sekolah rendah juga adalah ramai, bilangan ini mencatatkan angka ke-2 tertinggi iaitu seramai 77 orang atau 35.3 %. Ini diikuti oleh bilangan responden yang tidak bersekolah yang mencatatkan seramai 22 orang atau 10.1% daripada jumlah responden. Akhir sekali ialah responden yang memiliki tahap pendidikan maktab atau kolej, didapati bilangan responden dalam kumpulan ini adalah sedikit iaitu seramai 11 orang atau 5.1 %.

**Jadual 3.0: Jumlah peratusan responden/ ketua isirumah Sama-Bajau secara keseluruhan di semua kawasan kajian mengikut tahap pendidikan**

<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Bilangan (Orang)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Sekolah Rendah	<b>99</b>	<b>45.41</b>
Sekolah Menengah	<b>90</b>	<b>41.3</b>
Maktab/ Kolej	<b>11</b>	<b>5.1</b>
Universiti	<b>9</b>	<b>4.1</b>
Lain-lain	<b>9</b>	<b>4.1</b>
<b>Jumlah</b>	<b>218</b>	<b>100</b>

Jadual 4.0 di atas menunjukkan tahap pendidikan anak-anak Sama-Bajau atau anak-anak responden di kawasan kajian. Jika diperhatikan, tahap pendidikan ketua isirumah sememangnya mempengaruhi tahap pendidikan anak-anak. Ini disebabkan, situasi yang sama dapat dilihat dimana trend jumlah peratusan mengikut tahap pendidikan anak-anak responden adalah hampir sama dengan trend jumlah peratusan mengikut tahap pendidikan ketua keluarga (Jadual 2.0). Berdasarkan keseluruhan 218 ketua isirumah yang dikaji, terdapat sejumlah 227 orang anak responden yang memiliki kelulusan pendidikan. Daripada jumlah 227 orang tersebut, 106 orang memiliki sijil lepasan STPM. Angka tersebut mewakili 46.7% daripada keseluruhan anak responden yang berpendidikan dan merupakan tahap pendidikan yang paling banyak dimiliki oleh anak-anak responden berbanding tahap pendidikan yang lain. Manakala, bilangan anak responden terendah ialah mereka yang memiliki tahap pendidikan diperingkat kedoktoran atau PHD yang mencatatkan 1 orang sahaja atau 0.4% daripada jumlah keseluruhan anak-anak responden. Seterusnya, bilangan anak-anak responden yang memiliki tahap pendidikan peringkat Sarjana Muda mencatatkan angka ke-2 tertinggi iaitu seramai 57 orang atau 35.3 % daripada keseluruhan anak-anak responden yang berpendidikan. Ini diikuti oleh bilangan anak-anak responden yang memiliki Diploma yang mencatatkan seramai 56 orang atau 25.1% daripada jumlah anak-anak responden tersebut. Bilangan anak-nak responden yang memiliki kelulusan Sarjana pula mencatatkan jumlah yang agak sedikit iaitu seramai 7 orang atau 3.1% daripada jumlah keseluruhan anak-anak responden.



**Jadual 4.0: Tahap pendidikan anak-anak responden**

<b>Kampung Tahap Pendidikan</b>	<b>Rampayan (orang/ keluarga)</b>	<b>Darau (orang/ keluarga)</b>	<b>Unggun Jaya (orang/ keluarga)</b>	<b>Delima Melayu (orang keluarga)</b>	<b>Tebobon (orang/ keluarga)</b>	<b>Jumlah (Orang)</b>	<b>Jum (%)</b>
Sijil STPM	24/40	21/42	20/46	19/50	22/40	<b>106</b>	46.7
Diploma	11/40	10/42	12/46	10/50	13/40	<b>56</b>	24.7
Sarjana Muda	15/40	12/42	8/46	9/50	13/40	<b>57</b>	25.1
Sarjana	3/40	2/42	1/46	0/50	1/40	<b>7</b>	3.1
Kedoktoran/ PhD	1/40	0/42	0/46	0/50	0/40	<b>1</b>	0.4
<b>Jumlah</b>						<b>227</b>	100%

***Halatuju dan cabaran Sama-Bajau dalam pelaburan modal insan***

Jelasnya halatuju Sama-Bajau dalam pelaburan modal insan masih kabur. Sama-Bajau di Menggatal tidak mempunyai halatuju yang spesifik tentang bagaimanakah caranya untuk mereka meningkatkan tahap pendidikan di kalangan generasi mereka agar mampu bersaing secara sihat dengan masyarakat lain. Untuk menyediakan halatuju tersebut serta meningkatkan kapasiti mereka dalam pelaburan modal insan, terdapat pelbagai cabaran yang telah dikenalpasti. Antara cabaran-cabaran tersebut ialah seperti masalah kemiskinan, cabaran urbanisasi dan tahap kesedaran yang rendah di kalangan ketua keluarga mengenai kepentingan pendidikan.

***Masalah kemiskinan***


Dari sudut kemiskinan, masalah kemiskinan merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada tahap pelaburan modal insan yang rendah di kalangan Sama-Bajau. Walaupun suku Sama-Bajau di Menggatal dianggap sudah mengecapi kemajuan yang lebih tinggi berbanding suku Sama-Bajau di negara jiran seperti di Indonesia dan Filipina, namun dalam konteks struktur sosial-ekonomi, mereka masih tergolong dalam kumpulan pribumi yang terpinggir dari segi pegangan ekuitinya. Kebanyakan suku kaum Sama-Bajau adalah antara suku kaum yang mencatat peratusan kadar kemiskinan antara yang tertinggi di negeri ini. Mereka juga tergolong dalam individu yang berpendapatan rendah (Mary & Shui Kiong 1994). Berdasarkan statistik tahun 2000, dianggarkan 51 peratus keluarga Sama-Bajau di Sabah masih bergantung hidup kepada sektor laut-nelayan yang merupakan sektor semi-tradisional (Gusni, 2004). Kegiatan yang berbentuk tradisional ini tidak memberikan pulangan yang lumayan dan ini menyebabkan pendapatan isirumah Sama-Bajau yang terlibat adalah rendah. Pendapatan yang rendah menyebabkan mereka terus terkongkong oleh belengu kemiskinan.

Berdasarkan jadual 5.0, insiden kemiskinan menunjukkan bahawa suku kaum Sama-Bajau mencatatkan peratusan kadar miskin dan miskin tegar antara yang tertinggi di kalangan etnik-etnik yang ada di Sabah. Sama-Bajau mencatatkan 30.5 peratus insiden miskin tegar dan 7.7

peratus miskin tegar. Kadar miskin ini adalah melebihi purata kadar kemiskinan penduduk Negeri Sabah sendiri yang berada pada tahap 22 peratus.

**Jadual 5.0: Insiden Kemiskinan Berdasarkan Etnik 2004 di Sabah**

Ketua Isirumah Etnik	Miskin	Miskin Tegar
Melayu	16.1	1.9
China	2.5	0.3
Kadazan-Dusun	23.1	7.7
<b>Sama-Bajau</b>	<b>30.5</b>	<b>7.7</b>
Murut	31.0	13.8



**In Sabah, incidence of poverty and income inequality are higher among the ethnic minority groups**

*Source: Poverty, Inequality and Welfare in Sabah,  
International Poverty Conference: Poverty and Income Inequality in the 21st Century, Dec 2007*

Malahan, berdasarkan statistik tahun 2007 di atas, kadar kemiskinan di kalangan Sama-Bajau juga masih merupakan antara yang tertinggi peratusnya. Didapati insiden kemiskinan di kalangan Sama-Bajau ialah sebanyak 33.7%.

Ini menunjukkan bahawa, masalah kemiskinan bukanlah masalah yang baru. Malah sejak dahulu lagi, suku kaum Sama-Bajau menghadapi masalah kemiskinan. Kemiskinan ini

menyebabkan mereka gagal untuk mempersiapkan diri dan anak-anak untuk meningkatkan pendidikan mereka ke tahap yang lebih tinggi. Ini kerana, mereka tidak mampu untuk menampung kos persekolahan anak-anak yang semakin hari semakin tinggi disebabkan peningkatan kos perbelanjaan semasa.

### ***Cabaran urbanisasi***

Selain itu, urbanisasi dan globalisasi yang berlaku di persekitaran perumahan Sama-Bajau turut mempengaruhi tahap pelaburan modal insan yang rendah di kalangan suku ini. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, persekitaran perumahan Sama-Bajau adalah sangat hampir dengan pusat bandaraya dan pekan-pekan utama di Kota Kinabalu yang mengalami proses urbanisasi yang pesat. Proses urbanisasi tersebut menyebabkan munculnya banyak pusat membeli-belah yang bersekala besar dan moden seperti One Borneo, Centre Point, Wawasan Plaza, Wisma Merdeka, Kompleks Karamuning dan K.K Plaza. Pusat-pusat membeli-belah ini tidak termasuk lagi beberapa buah yang sedang dalam proses pembinaan seperti Sabah Times Square, Suria Sabah dan Sutera Harbor Hypermall. Kewujudan pusat membeli-belah ini dilihat menyediakan pelbagai jenis peluang pekerjaan kepada masyarakat di sekitarnya. Malahan, kebanyakan kerja-kerja di kompleks membeli-belah ini hanya memerlukan tahap kelulusan yang rendah untuk mendapatkannya. Contohnya pekerjaan sebagai jurujual, pembantu kedai, cleaner dan pegawai keselamatan.

Keadaan tersebut sudah pasti menarik perhatian suku kaum Sama-Bajau, terutamanya bagi yang terdesak dengan masalah kewangan untuk merebut peluang pekerjaan tersebut. Oleh itu, tidak mustahil ada di kalangan ibu bapa yang lebih menggalakkan anak-anak mereka bekerja daripada belajar untuk membantu meringankan beban kewangan keluarga. Tambahan pula, kelayakan yang rendah untuk memperolehi pekerjaan tersebut menyebabkan ibu bapa merasakan anak-anak mereka sudah mampu untuk mendapatkan pekerjaan dengan tahap pendidikan sekolah rendah atau menengah.

Malah kewujudan pusat membeli-belah tersebut turut mempengaruhi mentaliti anak-anak itu sendiri iaitu sama ada memilih untuk bersekolah atau bekerja. Keadaan pusat membeli-belah yang menarik dengan pelbagai jenis kemudahan dan hiburan, menyebabkan anak-anak atau golongan muda ini lebih cenderung kepada kehidupan bandar dan moden yang memerlukan duit untuk menikmati kemudahan dan hiburan tersebut. Ini mempengaruhi kecenderungan mereka untuk memilih kerja daripada belajar.

### ***Tahap kesedaran yang rendah mengenai kepentingan pendidikan***

Berdasarkan pemerhatian, kebanyakan suku kaum Sama-Bajau masih lagi dikongkong dengan pemikiran bahawa “semakin tinggi tahap pendidikan semakin sukarlah untuk mendapat pekerjaan”. Tanggapan ini timbul disebabkan keadaan semasa dimana seringkali didengar di televisyen dan dada akhbar bahawa berlakunya pengangguran yang tinggi di kalangan graduan lepasan universiti masa kini. Berita-berita dan fenomena ini sememangnya telah mempengaruhi pemikiran generasi Sama-Bajau. Ia umpama mitos dan kekangan dalam meningkatkan tahap pendidikan anak-anak mereka. Seheinggakan ada ibu bapa yang berpendapat bahawa adalah sia-sia untuk menyekolahkan anak-anak mereka jika di akhir pengajian nanti mereka sukar untuk mendapatkan pekerjaan dan masih menganggur. Terdapat ibu bapa yang berpendapat bahawa adalah lebih baik anak-anak mereka berhenti sekolah sehingga tahap SPM dan STPM sahaja kerana peluang pekerjaan untuk tahap pendidikan tersebut masih banyak berbanding lulusan ijazah atau yang lebih tinggi. Inilah situasi yang melanda suku kaum Sama-Bajau. Semua ini adalah disebabkan tahap kesedaran yang rendah

di kalangan keluarga mengenai perihal pentingnya menyediakan pendidikan yang tinggi di kalangan anak-anak mereka. Kesedaran yang rendah ini, menyebabkan mereka gagal untuk memikirkan kepentingan jangka panjang pendidikan ini kepada anak-anak mereka.

### ***Ketiadaan persatuan***

Selain itu, ketidakwujudan persatuan juga merupakan cabaran utama bagi meningkatkan tahap pelaburan dalam modal insan di kalangan suku kaum Sama-Bajau. Ketiadaan persatuan khusus yang benar-benar membela nasib mereka menyebabkan golongan ini terus terumbang-ambing dan terpinggir dari arus pembangunan. Tiada kesatuan yang jelas antara suku kaum Sama-Bajau yang boleh memberikan panduan dan dorongan agar lebih maju dalam aspek kehidupan. Lebih memburukkan keadaan, persatuan yang ada di kampung kediaman mereka seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), persatuan wanita dan pertubuhan politik dilihat masih memainkan peranan yang sangat rendah dalam memajukan suku kaum ini.

### **Cadangan dan polisi**

#### ***Mengatasi kemiskinan melalui Koridor Pembangunan Sabah (SDC)***

Sehingga kini, pelbagai program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) telah dilaksanakan di Negeri Sabah untuk mengatasi masalah kemiskinan. Terkini, melalui Koridor Pembangunan Sabah (SDC), Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM16.9 bilion. Melalui pelaksanaan SPKR sebelum ini, terdapat pelbagai program pembangunan masyarakat miskin luar bandar yang telah dilancarkan melalui Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) dan RMK sebelumnya. (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah (UPEN, 2007) Malahan, program ini terus diberikan tumpuan khas dalam SDC. Melalui SDC program ini telah diletakkan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Keseluruhannya terdapat terdapat 9 program pembangunan SPKR iaitu:

1. Program Peningkatan Pendapatan
2. Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya
3. Program Kecemerlangan Pendidikan
4. Program Bantuan Rumah
5. Program Pembangunan Masyarakat Setempat
6. Program Tambahan Makanan Seimbang
7. Program Pembangunan Minda Insan
8. Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)
9. Amanah Saham Bumiputera

Sumber: *Sabah Development Coridor (SDC) Blue Print*

Untuk mengatasi kemiskinan di kalangan suku kaum Sama-Bajau yang menghalang mereka daripada meningkatkan tahap pendidikan, Sama-Bajau perlu dilibatkan secara berkesan dalam program-program SPKR yang dianjurkan kerajaan melalui SDC. Selain itu, keciciran penyertaan kaum Sama-Bajau juga harus dikurangkan agar kemiskinan di kalangan suku kaum ini dapat dibasmi secara komprehensif dan menyeluruh.

#### ***Mengubah mentaliti masyarakat terhadap kepentingan pendidikan***

Selain mengatasi masalah kemiskinan, tahap kesedaran di kalangan keluarga Sama-Bajau

yang rendah mengenai kepentingan pendidikan juga harus dibaiki. Ini adalah dengan mengubah mentaliti terkongkong mereka yang beranggapan bahawa “tahap pendidikan yang tinggi sukar untuk mendapat pekerjaan”. Mereka seharusnya disedarkan mengenai kepentingan pendidikan dan diterapkan dengan kefahaman bahawa pendidikan yang tinggi bukanlah penghalang untuk anak-anak mereka mendapat pekerjaan. Ketua keluarga atau ibu bapa perlu diyakinkan bahawa pendidikan yang lebih tinggi adalah penting bagi mengembangkan kemahiran dan tahap pemikiran anak-anak mereka kerana dengan kemahiran yang lebih tinggi serta pemikiran yang lebih matang barulah mereka mampu mendapatkan pekerjaan yang lebih menjamin masa depan.

#### ***Mengadakan kempen kesedaran***

Untuk mengubah mentaliti masyarakat Sama-Bajau secara berkesan, masyarakat ini perlu didedahkan dengan kempen kesedaran. Ini adalah melalui ceramah, seminar dan bengkel yang bertujuan untuk memberitahu mereka mengenai kepentingan pendidikan tinggi untuk anak-anak mereka. Kempen kesedaran ini perlu diadakan di setiap kawasan kediaman Sama-Bajau. Dengan adanya kempen ini, keyakinan pihak keluarga atau ibu bapa Sama-Bajau terhadap keperluan pendidikan dapat ditingkatkan. Ini seterusnya membawa kepada perubahan pemikiran dan membolehkan mereka menerima bahawa pendidikan yang tinggi bukan penghalang anak-anak untuk mendapatkan pekerjaan. Dengan adanya kempen kesedaran ini, kita dapat membuka minda masyarakat ini dengan memberikan mereka contoh-contoh teladan dan bukti kejayaan yang benar mengenai individu-individu yang telah berjaya dalam kehidupan mereka setelah mencapai status pendidikan ke tahap yang tinggi.

#### ***Meningkatkan peranan ketua kampung dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)***

Peranan Ketua Kampung dan JKKK juga penting untuk meningkatkan penyertaan suku kaum Sama-Bajau dalam pelaburan modal insan. Peranan Ketua Kampung dan JKKK yang dilihat masih agak terhad dalam pembangunan modal insan perlu diperluaskan. Golongan pemerintah ini seharusnya menganjurkan lebih banyak program kemajuan yang bertujuan menggalakkan dan menarik minat masyarakat Sama-Bajau untuk mengambil manfaat daripada pembangunan modal insan di persekitaran mereka. Contoh program yang boleh dilaksanakan ialah program penghargaan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau mendapat keputusan yang cemerlang dalam pelajaran mereka. Dengan adanya program seumpama ini, secara tidak langsung akan membuka mata ibu bapa yang lain untuk menggalakkan anak-anak mereka agar belajar ke tahap yang lebih tinggi serta lebih cemerlang dalam pembelajaran mereka.

#### ***Mewujudkan persatuan***

Persatuan Sama-Bajau perlu diwujudkan. Persatuan ini bukanlah untuk tujuan perkauman atau meningkatkan jurang antara kelompok suku kaum di Negeri Sabah, tetapi hanya sekadar untuk menjaga kepentingan suku kaum Sama-Bajau. Ini termaksudlah, menjadikan persatuan tersebut sebagai tempat untuk mengadu dan menyelesaikan masalah, sebagai badan yang memantau dan memandu golongan Sama-Bajau secara lebih spesifik dalam pembangunan sosio-ekonomi mereka. Dengan adanya persatuan ini, maka nasib suku kaum Sama-Bajau akan lebih terjamin dan tidak terumbang-ambing. Malah persatuan ini juga akan mewujudkan kesatuan pemikiran di kalangan mereka, sekaligus dapat memerah idea dan pemikiran mereka untuk membantu generasi mereka agar lebih berdaya saing dalam pelaburan modal insan.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, sememangnya wujud cabaran yang besar dalam meningkatkan keupayaan pelaburan suku kaum Sama-Bajau dalam modal insan. Masalah seperti kemiskinan merupakan cabaran yang utama dalam meningkatkan tahap pendidikan di kalangan Sama-Bajau. Suku kaum Sama-Bajau adalah antara suku kaum yang mencatatkan peratus kadar kemiskinan yang tinggi di negara ini. Kemiskinan ini menyebabkan wujudnya masalah kekangan bajet dan ini memaksa Sama-Bajau lebih cenderung untuk mendapatkan pekerjaan daripada memilih untuk melanjutkan pelajaran. Tambahan pula, persekitaran kehidupan Sama-Bajau yang amat dipengaruhi oleh arus urbanisasi dan globalisasi menyebabkan kehidupan mereka mengalami tranformasi sosial yang drastik. Keadaan ini sememangnya memberikan kebaikan kepada suku kaum Sama-Bajau, tetapi jika dilihat dari sudut yang lebih spesifik dan realistik berdasarkan situasi semasa mereka. Jelas, proses urbanisasi dan globalisasi ini turut memberikan tekanan dan ancaman kepada mereka. Ini kerana, tahap pendidikan yang rendah di kalangan Sama-Bajau menyebabkan mereka gagal bersaing dalam arus tersebut dan gagal mendapat manfaat sepenuhnya daripada pembangunan yang berlaku di persekitaran mereka.

Oleh itu, adalah amat penting bagi menyediakan halatuju yang jelas dalam pelaburan modal insan bagi suku kaum Sama-Bajau ini untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran urbanisasi dan globalisasi yang semakin mencabar pada abad ini.

## **Rujukan**

- Angus Maddison. 1997. Causal influences on productivity performance 1820-1992: a global perspective. *Journal of Productivity Analysis*. 8: 325-359.
- Barham, V., Broadway, R., Marchand, M. and Pestieau, P., 1995. Education and the poverty trap. *European Economic Review* 39: 1257-1275.
- Becker, Gary S. 1964. *Human Capital : A theoretical and empirical analysis with special references to education*. New York: Bureau of Economic Research.
- Becker, G., 1981. *A treatise on the family*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Blundell, R., Powell, J. 2000. *Endogeneity in nanoparametric regression models*. Invited lecture. Econometric Society World Meeting Seattle.
- Cox, D., 1987. Motives for private income transfers. *Journal of Political Economy* 95: 508-546.
- Cox, D. and Jakubson, G. 1995. The connection between public transfers and private interfamily transfers. *Journal of Public Economics* 57: 129-167.
- Cremer, H., Kessler, D. and Pestieau, P. 1992. Intergenerational transfers within the family. *European Economic Review* 36:1-16. Abstract
- David and Abdulai. 2001. *Malaysia and the K-Economy: challenges, solutions and the road ahead*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- David Ashton and Francis Green. 1996. *Education, training and the global economy*.

London: Edward Elgar Publishing Limited.

- Diego Lanzi. 2007. Capabilities, human capital and education. *Journal of Socio- Economics*. 36:424-435.
- De, A. and Dreze, J. 1999. *The PROBE report*. New Delhi: Oxford University Press,.
- Elchanan Cohn. 1972. *The economics of education*. Lexington, KY: D.C, Heath and Co. 315.
- Gusni Saat. 2003. *Komuniti Samah-Bajau di bandar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gusni Saat and Kasim Mansur. 2006. Permasalahan kemiskinan di kalangan suku kaum sama-bajau di sabah: satu tinjauan. *Konfrensi Antarauniversiti di Borneo-Kalimantan Ke-2. Transformasi Sosial Perkotaan/Bandar Borneo-Kalimantan, Universitas Tanjungpura, Pontianak Kalimantan, Indonesia, 13-15 Ogos 2006*.
- Gusni Saat and Kasim Mansur. 2004. *The Transition of Sama-Bajau into the urban socio-economic*. Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Fauzy Yaacob. 2000. *Pembangunan sumber manusia di Malaysia: cabaran abad ke-21, 1st ed*. Kuala Lumpur: Muapakat Jaya Percetakan Sdn. Bhd.
- Ismail. R. 1998. Sumbangan pendidikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*.
- Jamaluddin Hj. Ahmad Damanhuri et. al. 2002. *K-based economy: forging ahead for national transformation*, National Institute of Public Administration and Administrative and Diplomatic Service Association. Kuala Lumpur: Government Publication.
- Jasbir Sarjit Singh.1977. Education, social origins and social mobility in Petaling Jaya, Malaysia. *Jurnal Pendidikan*. 27-37
- Joseph S. Lee. 2004. Employee training and human capital in Taiwan. *Journal of World Business* vol. 39: 362-376.
- Kasim Mansur and Gusni Saat. 2004. Sosio ekonomi Sama-Bajau dalam transisi: perubahan makro dan implikasi mikro. *International Ceonference on Sama-Bajau Communitirs. Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Kasim Mansur and Gusni Saat. 2004. Sosio ekonomi suku kaum Sama-Bajau dalam tradisi kes kajian Di Pantai Barat Sabah. *International Ceonference on Sama-Bajau Communitirs. Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Kochar, A. 2000. *Emerging challenges for Indian education policy*. Stanford: Mimeo.
- Kotlikoff, L. and Spivak, A. 1981. The family as an incomplete annuities market. *Journal of Political Economy* 89 (2): 372-391.
- Loury, G., 1981. Intergenerational transfers and the distribution of earnings. *Econometrica* 49: 843-867.

- Lucas, Robert E., Jr. 1988. On Mechanics of Economic Development. *Journal of Monetary Economics* 22: 3-42.
- Md. Zhahir Kechot and Mansor Jusoh. 2000. *Ekonomi Malaysia: Menghadapi dan Menangani Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mincer, J. (1994). *Investment in US education and training*. National Bureau of Economic Research, Working Paper no. 4844.
- Mookherjee, D., Ray, D. 2000. *Persistent Inequality*. Mimeo: Boston University.
- Norizan Abdul Razak, Rozainee khairudin & Ravichandran Vangadasamy. 2006. *Isu-isu Pendidikan Bahasa Sastera dan Psikologi di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pang Eng Fong. 1982. *Education, Manpower and Development in Singapore*. Singapore: University Press.
- Peterson, Willis L. 1977. *Principles of Economics: Micro*. Edisi 3. Homewood, IL: Richard D. Irwin Inc., 371.
- Rosalind Chew et al. 1999. *Human capital formation as an engine of growth, the east asian experience*. Singapore: Institute of Shoutheast Asian Studies.
- Rahmah Ismail. 1996. *Modal manusia dan perolehan buruh*. Siri Teks Ekonomi Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Romer, Paul M. 1990. Endogenous technological change. *Journal of Political Economy*. 89, no. 5 pt,2: 71-102.
- Roner, Paul M. October 1986. Increasing returns and long-run growth. *Journal of Political Economic*. 1002-37.
- Sabah Development Coridor (SDC) Blue Print*, <http://www.sdc.gov.my>
- Schultz, Theodore W. 1963. *The economic value of education*. New York: Columbia University Press. 39 – 42.
- Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som. 1999. *Isu pendidikan di Malaysia, sorotan dan cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Sharil @ Charil Marzuki. 2005. *Mengurus dan membiayai pendidikan di Malaysia*. Pahang Darul Makmur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- State of Sabah Malaysia, 1995. *Outline perspective plan Sabah 1995-2010*. Kota Kinabalu: Sabah Government Publication.
- Stuart R. Lynn. 2003. *Economic and development, theory and practice for a divided world*. New Jersey: Pearson Education.
- Swift, W. J., dan Weisbrod, B. A. 1965. On the monetary value of education intergeneration



effects dlm. *Journal of Political Economy*. December. 643 – 649.

Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah (UPEN), (2007) *Laporan rancangan Malaysia kesembilan RMK9: pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat*, Draf Asal.

Yap Beng Liang. 1993. *Orang Bajau di Pulau Omdal, Aspek-aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Weisbrod, Burton A. 1962. *Education and Investment in Human Capital* dlm. *Journal of Political Economy*. October. 117.